



Masjid, madrasah terbakar

ANGGOTA bomba memadam kebakaran.

Lahad Datu: "Saya berkegagasan mendapatkan semua pelajar lalu kumpulkan mereka di kawasan selamat," kata pengetua Madrasah Al-Imam Rizwanlie Mazran selepas madrasah mereka hangus terbakar di Kampung Sapa-gaya Hulu, Jalan Silam, di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 11.40 malam, seramai 18 pelajar berusia 10 hingga 18 tahun selamat dan tidak cedera.

Turut terbakar Masjid Nur Imam yang bersambung dengan madrasah terbabit.

Menurut Rizwanlie, ketika kejadian dia sedang membaca al-Quran di bahagian

luar masjid manakala semua pelajar tidur sebelum dia mendengar teriakan memaklumkan ada kebakaran.

"Saya terus berlari ke arah asrama dan menyuruh semua pelajar keluar dan berkumpul di lokasi selamat.

"Kemudian saya mengira pelajar yang ada dan selepas mendapati semua sudah berada di situ, barulah saya mampu menarik nafas lega.

"Alhamdulillah, mereka selamat tetapi semua barangan dan dokumen mereka hangus terbakar," katanya ketika dihubungi, semalam.

Rizwanlie berkata, madrasah dan masjid itu diba-

ngunkan arwah datuknya tujuh tahun lalu dan dia antara individu yang meneruskan tugas di situ bersama ahli keluarga yang lain.

"Kami masih berbincang untuk mengambil langkah seterusnya sama ada perlu bercuti atau tidak.

"Buat masa sekarang, kami memang tiada tempat belajar dan semua pelajar tinggal di rumah saya yang terletak di hadapan madrasah.

"Jika ikutkan hati, kami mahu bangunkan segera masjid dan madrasah ini agar pelajar dapat meneruskan pembelajaran," katanya.